

PETALING JAYA, 15 JAN. (BERNAMA) - NEGARA-NEGARA DI ASIA TENGGARA TELAH DIGESA MENGGUNAKAN SEPENUHNYA KESAN KERJASAMA SERANTAU DAN PELUANG-PELUANG YANG BANYAK TERDAPAT DI RANTAU INI BAGI MEMENUHI CABARAN KERJASAMA TERSEBUT.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, PERPADUAN SERANTAU LEBIH DIPERLUKAN SEKARANG DARIPADA SEBELUM INI OLEH KERANA JURANG YANG TERDAPAT ANTARA NEGARA-NEGARA MAJU DAN MEMBANGUN SEMAKIN MELUAS SELARAS DENGAN BERTAMBAHNYA KERAMAIAAN PENDUDUK SERTA NEGARA-NEGARA TERSEBUT TERUS MENGHADAPI KEADAAN EKONOMI DUNIA YANG TIDAK DAPAT DITENTUKAN.

BERUCAP KETIKA MEMBUKA PUSAT KAJIAN DAN LATIHAN BANK-BANK PUSAT DI ASIA TENGGARA DISINI HARI INI, DR.

MAHATHIR BERKATA PENUBUHAN PUSAT ITU ADALAH SELARAS DENGAN PERKEMBANGAN POLITIK DAN EKONOMI DI RANTAU INI SEKARANG.

TAMBAHNYA, IA JUGA MEMBOKTIKAN HUBUNGAN RAPAT YANG WUJUD DI KALANGAN BANK-BANK PUSAT DAN PIHAK BERKUASA KEWANGAN DI RANTAU INI. - BERSAMBUNG 1829/BW

MAHATHIR-BANK 2 PETALING JAYA

IA JUGA MEMBUKTIKAN NEGARA-NEGARA DI RANTAU INI AKAN MEMAINKAN PERANAN AKTIF DALAM MENENTUKAN MASA DEPAN MEREKA, TAMBAHNYA.

IA MERUPAKAN SATU LANGKAH MENOLONG DIRI SENDIRI DAN KERJASAMA ANTARA NEGARA-NEGARA YANG MEMPUNYAI PERSAMAAN MENGENAI MASAALAH DAN PERKEMBANGAN EKONOMI DAN SOSIAL.

TUJUAN UTAMA PUSAT IALAH UNTUK MEMPERHEBATKAN LAGI KERJASAMA ANTARA BANK-BANK PUSAT DAN BADAN KEWANGAN DI RANTAU INI DAN MENGGALAKKAN PERSEFAHAMAN DALAM BIDANG KEWANGAN, BANK DAN PERKEMBANGAN SESAMA NEGARA AHLI DAN KEPADA RANTAU INI PADA KESELURUHANNYA.

DR. MAHATHIR BERKATA, HAMPIR SEMUA NEGARA DI RANTAU INI MEMPUNYAI MASAALAH PENDUDUK BERLEBIHAN, PENGGANGURAN KURANG MAKANAN DAN LAIN-LAIN MASAALAH BERKAITAN DENGANNYA.

OLEH YANG DEMIKIAN, PENUBUHAN PUSAT SERTA RANCANGAN PENYELIDIKAN YANG BERORIENTASIKAN KEPADA HASIL AMALI BUKAN SAJA KENA PADA MASANYA TETAPI JUGA PERLU. -- BERSAMBUNG 2007/LK

MAHATHIR-BANK 3 PETALING JAYA

PUSAT ITU AKAN MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MENGELAKKAN USAHA BERGANDA OLEH NEGARA-NEGARA DI RANTAU INI DALAM Mencari PENYELESAIAN TERHADAP MASALAH KEPENTINGAN BERSAMA.

TEKANAN AKAN DIBERIKAN OLEH PUSAT ITU TERHADAP MENGADAKAN KAKITANGAN YANG BERKELAYAKAN DAN MAHIR DIKALANGAN NEGARA-NEGARA TERSEBUT.

KATANYA, KAKITANGAN TERLATIH DIPERLUKAN DI SETIAP NEGARA DI RANTAU INI. OLEH DEMIKIAN WAJARLAH BAGI PUSAT ITU MENGUTAMAKAN KEGIATAN LATIHAN.

BELIAU BERHARAP RANCANGAN LATIHAN AKAN MENGGALAKKAN PENUKARAN TENAGA ANTARA BANK-BANK PUSAT, INSTITUSI KEWANGAN DAN BADAN-BADAN KERAJAAN. -- BERSAMBUNG 2011/LK

££

B625:

MAHATHIR-BANK 4 PETALING JAYA

TERDAHULU DARI ITU, GABENUR BANK NEGARA, TAN SRI ISMAIL ALI BERKATA, PUSAT ITU AKAN MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PENYELIDIKAN BERHUBUNG DENGAN PERKARA-PERKARA YANG PRAKTIK DAN KEPENTINGAN SERANTAU.

ADALAH DIPERSETUJUI OLEH PARA GABENUR BAHAWA PROJEK PERTAMA BAGI PUSAT ITU IALAH MENGENAI PENGUMPULAN DAN PEMBANDINGAN MAKLUMAT DAN DATA BERKAITAN DENGAN PENGANGGURAN DI NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA.

KATANYA, KEPERLUAN LATIHAN BAGI BANK-BANK PUSAT DAN PIHAK BERKUASA KEWANGAN DI RANTAU INI ADALAH MENDESAK DAN BANYAK KURSUS AKAN DIJALANKAN DARI MASA KE MASA. -- BERNAMA 2014/LK